

PERLEMBAGAAN
“PARTI IKATAN BANGSA MALAYSIA”
(IKATAN)
PADA 19 FEBRUARI 2015

FASAL 1: NAMA PERTUBUHAN

PARTI IKATAN BANGSA MALAYSIA

FASAL 2: NAMA RINGKAS PERTUBUHAN

IKATAN

FASAL 3: ALAMAT PENTADBIRAN

**Level 7, Block A, Mines Water Front Business Park,
No. 3 Jalan Tasik, Mines Resort City,
43300 Selangor, MALAYSIA.**

atau

ditempat – tempat lain sebagaimana ditetapkan dari masa ke semasa oleh Dewan Tertinggi.

FASAL 4: LOGO “IKATAN” digelar “Ikatan Bangsa”

Tajuk **FASAL 4** ini digantikan seperti berikut:-

BENDERA – LOGO

Parti Ikatan Bangsa Malaysia “IKATAN”

Bendera dan logo **Parti IKATAN** adalah seperti berikut:-



Bendera dan Logo yang telah disatukan ini melambangkan tekad **“IKATAN BERPADU”** rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya hendak melonjak maju sebagai **BANGSA MALAYSIA** yang benar - benar bersatu, maju, adil dan saksama dan bahagia.

FASAL 5: BENDERA IKATAN



Bendera IKATAN mengandungi 4 warna:

PUTIH, MERAH, BIRU DAN KUNING

PUTIH:

Putih melambangkan kesucian dan keikhlasan **IKATAN** memperjuangkan visi dan misinya untuk **BANGSA MALAYSIA** yang benar-benar bersatu, maju, adil dan saksama dan bahagia.

MERAH:

Merah melambangkan tekad dan azam **IKATAN**, berkorban apa saja, demi menjayakan visi dan misinya.

BIRU:

Biru adalah warna keharmonian dan kedamaian, **Laungan Kemerdekaan BAPA KEMERDEKAAN/BAPA MALAYSIA, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra**, serta perjuangan dan legasinya menjadi petunjuk serta dokongan kukuh visi dan misi **IKATAN**.

KUNING:

Kuning melambangkan **Raja Perlembagaan dan Perlembagaan Negara** yang akan sentiasa disanjung, didokong dan dipertahankan oleh **IKATAN**.

FASAL 6: VISI PERJUANGAN

Menyatu padu dan merapatkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya supaya benar – benar menjadi satu: sebagai Bangsa Malaysia yang bersatu – padu, maju, adil, saksama dan sejahtera.

Perjuangan ini ialah dengan menyedar dan menginsafkan kembali seluruh rakyat mengenai kesepaduan serta semangat kekeluargaan jati yang wujud semasa zaman perjuangan bersama dahulu untuk mencapai kemerdekaan.

Berukunkan sumpah janji ini maka visi dan misi perjuangan Bangsa Malaysia adalah berpaksikan isi kandungan dan Roh Perlembagaan Malaysia serta berpaksikan “**Amanat Merdeka Bapa Malaysia**” Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al – Haj yang berbunyi:

“JIKA KITA BENAR-BENAR MAHU HIDUP SEBAGAI SATU KELUARGA DALAM SATU RUMAH, BERNAMA MALAYSIA, MAKA KITA MESTI IKHLAS ANTARA SATU DENGAN LAIN --- MELAYU, CINA, INDIA, DAYAK, KADAZAN DUSUN, SIAM --- ISLAM, BUDDHA,HINDU, KRISTIAN DAN LAIN-LAIN.

JIKA KITA IKHLAS MAKA KITA TIDAK BOLEH KATA APA-APA YANG AKAN MENYAKIT HATI ANTARA SATU SAMA LAIN. KITA JUGA TIDAK BOLEH BUAT APA-APA YANG MENYUSAH HATI ORANG LAIN.

SEBAGAI AHLI KELUARGA YANG IKHLAS KITA MESTI SELALU TOLONG MENOLONG SESAMA KITA. YANG KAYA TOLONG YANG MISKIN.YANG MAJU TOLONG YANG KURANG MAJU. DENGAN CARA ITU BARULAH KITA AKAN JADI SATU BANGSA DAN NEGARA YANG BERSATU PADU DAN KUAT. SEMUA ORANG AKAN BAHAGIA. BARULAH MALAYSIA DIHORMATI OLEH DUNIA.

“BAPA MALAYSIA, ALMARHUM TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA”

FASAL 7:

MISI PERJUANGAN

(i) Menghidupkan kembali sumpahjanji dan idealisma Malaysia dan pengasas - pengasas Kemerdekaan agar seluruh rakyat Malaysia hidup sebagai satu negara-bangsa berteraskan kesaksamaan, keadilan serta maju dan sejahtera.

(ii) Dengan sesungguhnya menyedari, memperakui dan menghormati hak-hak dan kedaulatan Kerajaan negeri-negeri dalam semangat negara Persekutuan sejati serta selaras dengan prinsip demokrasi tulen dan semangat Perlembagaan Malaysia.

(iii) Memastikan institusi-institusi negara mendukung dan menghormati kedaulatan undang-undang, prinsip - prinsip demokrasi, hak serta nilai-nilai sejagat.

(iv) Menyokong dan menegakkan suatu pentadbiran yang:

- benar-benar telus dan bertanggungjawab
- cekap dan efisien
- bebas rasuah dan bebas kronisma
- bersih dan ikhlas

(v) Melonjakkan kedudukan sosio-ekonomi seluruh rakyat Malaysia agar semuanya dapat mengecapi kehidupan yang benar benar maju, adil dan saksama dan progresif sejajar dengan amanah yang telah dipertanggungjawabkan bagi masa depan bersama.

FASAL 8: KEAHLIAN

- (i) Keahlian terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas tanpa mengira bangsa, agama dan kaum dan yang menerima segala visi dan misi **IKATAN**. Keahlian juga terbuka kepada Pertubuhan – Pertubuhan dan parti – parti politik yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan mereka akan diwakili oleh ahli – ahlinya yang Warganegara Malaysia berumur 18 tahun keatas.
- (ii) Tiap – tiap permohonan menjadi ahli hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung untuk diluluskan oleh Dewan Tertinggi. Jawatankuasa berhak mengikut budibicaranya melulus atau menolak sebarang permohonan.
- (iii) Tiap – tiap permohonan yang permohonannya telah diluluskan seperti yang dinyatakan diatas, hendaklah setelah membayar bayaran seperti yang ditetapkan diterima menjadi ahli **IKATAN** dan berhaklah ia sebagai ahli.

FASAL 9: BAYARAN YURAN KEAHLIAN DAN BAYARAN LAIN – LAIN

- (i) Yuran keahlian adalah seperti yang ditetapkan oleh Dewan Tertinggi IKATAN dari semasa – kesemasa.
- (ii) Buat masa ini yuran berkaitan adalah RM10.00.
- (iii) Yuran Khas atau kutipan wang daripada ahli – ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Dewan Tertinggi.

FASAL 10: PEMBERHENTIAN / PEMECATAN AHLI

- (i) Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli **IKATAN** hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha Agung dan menjelaskan segala hutangnya.
- (ii) Mana – mana ahli yang gagal mematuhi perlembagaan **IKATAN** atau bertindak dengan cara yang mencemarkan nama baik **IKATAN** boleh dipecat atau digantungkan keahliannya bagi satu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Dewan Tertinggi. Sebelum Dewan Tertinggi memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab – sebab bagi pemecatan atau pergantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan Dewan Tertinggi menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

FASAL 11: STRUKTUR ORGANISASI PERSATUAN

11.1: **IKATAN** mempunyai majlis diberbagai peringkat seperti berikut:

- Dewan Tertinggi
- Dewan Negeri
- Majlis Kawasan
- Majlis Cawangan

11.2: Pemilihan atau perlantikan untuk memenuhi Majlis-Majlis disemua peringkat hendaklah mengikut semangat Bangsa Malaysia dan mencerminkan nisbah penduduk sejajar dengan isi kandungan Perlembagaan ini.

11.3: Aturan peraturan pemilihan bagi semua peringkat hendaklah ditetapkan oleh Dewan Tertinggi dalam masa 24 bulan dari tarikh **pendaftaran IKATAN.**

11.4: Pemegang – pemegang jawatan **IKATAN** dan tiap – tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam **IKATAN** hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.

11.5: DEWAN TERTINGGI

- (i) Semua ahli-ahli Dewan Tertinggi yang pertama akan terus memegang jawatan untuk tempoh tidak lebih dari 5 tahun dari tarikh pendaftaran **IKATAN.**
- (ii) Selepas tamat tempoh waktu Dewan Tertinggi yang pertama maka Dewan Tertinggi seterusnya hendaklah dipilih setiap 3 tahun.
- (iii) Dewan Tertinggi hendaklah mengandungi anggota seperti berikut:
 - (a) Presiden - 1
 - (b) Timbalan Presiden - Tidak lebih dari 8 orang
 - (c) Naib Presiden –Tidak lebih dari 10 orang (termasuk ketua 2 Sayap --- Wanita dan Pemuda)
 - (d) Jawatan-jawatan perlantikan oleh Presiden dengan persetujuan Dewan Tertinggi adalah:
 - (i) Setiausaha Agung
 - (ii) Bendahari Agung
 - (iii) Strategis Komunikasi
 - (iv) Ketua Kajian Dasar
 - (v) Ketua Penerangan

(vi) Jawatan-jawatan lain seperti yang diputuskan Dewan Tertinggi.

(e) Ahli-ahli biasa Majlis Tertinggi adalah berjumlah 30 orang seperti berikut:-

(i) Wakil Majlis Negeri-Negeri - 14

(ii) Wakil Persatuan/Pertubuhan dan individu tertentu - 16

11.6: DEWAN NEGERI

Untuk 3 tahun yang pertama selepas tarikh pendaftaran **IKATAN**, semua jawatan – jawatan Dewan Negeri adalah dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Dewan Tertinggi. Anggotanya adalah seperti berikut:-

(a) Pengerusi - 1

(b) Timbalan Pengerusi –Tidak lebih dari 6 orang

(c) Naib Pengerusi –Tidak lebih dari 8 orang

(termasuk ketua 2 Sayap --- Wanita dan Pemuda)

(d) Jawatan Perlantikan:-

(i) Setiausaha

(ii) Bendahari

(iii) Strategis Komunikasi

(iv) Ketua Kajian Dasar

(v) Ketua Penerangan

(vi) Jawatan-jawatan lain seperti diputuskan oleh Dewan Tertinggi.

(e) Ahli – ahli biasa Majlis Negeri:

1 orang mewakili setiap kawasan Parlimen dinegeri berkenaan.

11.7: MAJLIS KAWASAN

Untuk 3 tahun yang pertama selepas tarikh pendaftaran **IKATAN**, semua jawatan – jawatan Majlis Kawasan adalah dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Dewan Tertinggi dan selepas berunding dengan Dewan Negeri. Anggotanya adalah seperti berikut:-

(a) Seorang Pengerusi

(b) Timbalan Pengerusi –Tidak lebih dari 6 orang

(c) Naib Pengerusi –Tidak lebih dari 8 orang

(termasuk ketua 2 Sayap --- Wanita dan Pemuda)

(d) Jawatan - jawatan perlantikan oleh Pengerusi Majlis Kawasan dengan persetujuan Majlis Kawasan:-

(i) Setiausaha

(ii) Bendahari

- (iii) Ketua Penerangan
- (iv) Jawatan-jawatan lain seperti diputuskan oleh Dewan Tertinggi.
- (e) Ahli – ahli biasa Majlis Kawasan:
15 orang termasuk 2 wakil, masing – masing dari Sayap Wanita dan Pemuda

11.8: MAJLIS CAWANGAN

Untuk 3 tahun yang pertama selepas tarikh pendaftaran **IKATAN**, semua jawatan – jawatan Majlis Cawangan adalah dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Dewan Tertinggi dan selepas berunding dengan Majlis Kawasan. Anggotanya adalah seperti berikut:-

- (a) Seorang Pengerusi
- (b) Timbalan Pengerusi –Tidak lebih dari 6 orang
- (c) Naib Pengerusi –Tidak lebih dari 8 orang
(termasuk ketua 2 Sayap --- Wanita dan Pemuda)
- (d) Jawatan - jawatan perlantikan oleh Pengerusi Majlis Cawangan dengan persetujuan Majlis Cawangan:-
 - (i) Setiausaha
 - (ii) Bendahari
 - (iii) Ketua Penerangan
 - (iv) Jawatan-jawatan lain seperti diputuskan oleh Dewan Tertinggi
- (e) Ahli – ahli biasa Majlis Cawangan:
14 orang termasuk 2 wakil, masing – masing dari Sayap Wanita dan Pemuda.

FASAL 12: KORUM BAGI SEMUA MESYUARAT

Korum untuk setiap mesyuarat disemua peringkat hendaklah tidak kurang dari 30% jumlah ahli diperingkat tersebut.

FASAL 13: PERHIMPUNAN TERTINGGI

13.1: Perhimpunan Tertinggi **IKATAN** yang pertama hendaklah diadakan dalam masa 24 bulan dari tarikh pendaftaran **IKATAN** dan selepas itu untuk setiap tahun. Kerja – kerja Perhimpunan Tertinggi ialah:

- (a) Menerima laporan Dewan Tertinggi berkenaan perjalanan **IKATAN** didalam tahun lalu.
- (b) Perhimpunan Tertinggi adalah kuasa teratas untuk memutuskan segala aturan-peraturan mesyuarat bagi semua peringkat.
- (c) Menerima laporan Setiausaha Agung bagi tahun lalu yang telah diluluskan oleh Dewan Tertinggi.

- (d) Menerima laporan Bendahari Agung dan Penyata Kewangan bagi tahun lalu yang telah diaudit dan yang telah diluluskan Dewan Tertinggi.
- (e) Memilih Ahli – Ahli Dewan Tertinggi untuk tahun yang akan datang.
- (f) Menguruskan perkara – perkara lain yang dibentangkan didalam mesyuarat itu.

13.2: Wakil-wakil ke Perhimpunan Tertinggi yang pertama hendaklah terdiri dari:-

- (i) Ahli-Ahli Dewan Tertinggi yang telah dilantik.
- (ii) Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah dilantik.
- (iii) Majlis Kawasan – Pengerusi, Timbalan-timbalan Pengerusi dan Naib-naib Pengerusi yang telah dilantik.
- (iv) Wakil-wakil Sayap dari peringkat Pusat – Wanita & Pemuda 20 orang wakil dari setiap Sayap Wanita & Pemuda yang telah dilantik.

13.3: Perhimpunan Tertinggi hendaklah diadakan setiap tahun dengan wakil seperti Fasal 13.2 sehingga pemilihan dibuat dalam masa 36 bulan dari tarikh pendaftaran pertubuhan untuk Majlis Kawasan dan Majlis Cawangan. Selepas itu, wakil-wakil dari Majlis Kawasan dan Majlis Cawangan adalah sebagaimana yang dipilih di majlis – majlis tersebut.

13.4: Jika mana-mana ahli Majlis Kawasan telah pun menduduki di Dewan Negeri maka Majlis Kawasan tersebut bolehlah memilih wakilnya.

13.5: Sekurang – kurangnya (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi atau dua kali jumlah ahli Dewan Tertinggi, mengikut mana yang kurang, hendaklah hadir di dalam Perhimpunan Tertinggi bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum.

13.6: Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak lebih dari 30 hari) yang ditetapkan oleh Dewan Tertinggi; dan jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli – ahli yang hadir menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa meminda perlembagaan **IKATAN** dan membuat keputusan – keputusan yang melibatkan semua ahli.

13.7: Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada tiap – tiap ahli sekurang – kurangnya 15 hari sebelum Perhimpunan Tertinggi Tahunan diadakan satu notis dan agenda mesyuarat termasuk salinan peringatan mesyuarat dan laporan serta Penyata Kira-kira **IKATAN** bagi tahun yang lalu yang telah di audit. Salinan surat – surat ini juga hendaklah dibekalkan untuk dibaca oleh ahli – ahli di alamat tempat urusan **IKATAN**.

13.8: Perhimpunan Tertinggi Khas bagi **IKATAN** ini boleh diadakan:

- (a) Bila difikirkan mustahak oleh Dewan Tertinggi; atau
- (b) Atas permintaan Dewan Tertinggi atau ahli-ahli dengan bertulis oleh tidak kurang daripada 30% daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Agung **IKATAN**.

13.9: Perhimpunan Tertinggi Khas yang diminta oleh ahli – ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh permintaan mesyuarat itu.

13.10: Pengumuman dan agenda untuk Perhimpunan Tertinggi Khas itu hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada semua ahli sekurang – kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

13.11: Fasal 13.5 dan 13.6 didalam Perlembagaan ini berkenaan korum hendaklah digunakan untuk Perhimpunan Tertinggi Khas tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang telah ditetapkan bagi Perhimpunan Tertinggi Khas maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa enam bulan dari tarikh ini, Perhimpunan Tertinggi Khas dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

FASAL 14: TEMPOH KUATKUASA DEWAN TERTINGGI

14.1: Ahli-Ahli Dewan Tertinggi hendaklah disahkan jawatan mereka secara langsung sebaik sahaja **IKATAN** didaftarkan.

14.2: Dewan Tertinggi Pertama akan memegang jawatan tidak lebih dari 5 tahun selepas pendaftaran **IKATAN** dan selepas itu akan diadakan pemilihan pertama mengikut aturan-peraturan yang akan diputuskan oleh Dewan Tertinggi mengikut Fasal.

14.3: Ahli-ahli Dewan Tertinggi yang tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan bagi majlis ini akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatannya didalam Dewan tersebut.

FASAL 15: FUNGSI DEWAN TERTINGGI

15.1: Fungsi Dewan Tertinggi ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian **IKATAN** dan membuat keputusan atas perkara - perkara mengenai perjalanan **IKATAN**.

15.2: Dewan Tertinggi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali didalam 2 bulan.

15.3: Jika seorang ahli Dewan Tertinggi meninggal dunia atau meletakkan jawatan maka Presiden dengan persetujuan Dewan Tertinggi boleh melantik penggantinya.

FASAL 16: FUNGSI PEGAWAI – PEGAWAI DEWAN TERTINGGI DAN MAJLIS – MAJLIS

Fungsi pegawai-pegawai Dewan Tertinggi adalah seperti yang ditetapkan oleh Presiden dengan persetujuan Dewan Tertinggi dan juga seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan dan aturan - peraturan **IKATAN** yang ditetapkan dari semasa kesemasa.

FASAL 17: TEMPOH KUATKUASA MAJLIS KAWASAN

- (i) Ahli-ahli Majlis Kawasan hendaklah disahkan jawatan mereka oleh Presiden dan Majlis Tertinggi sebaik sahaja **IKATAN** didaftarkan.
- (ii) Majlis Kawasan ini akan memegang jawatan selama 3 tahun dari tarikh pengesahan itu.
- (iii) Pemilihan pertama untuk Majlis Kawasan ini akan diadakan sebelum 3 tahun dari tarikh pendaftaran **IKATAN**.

FASAL 18: TEMPOH KUATKUASA MAJLIS CAWANGAN

- (i) Ahli-ahli Majlis Cawangan hendaklah disahkan jawatan mereka oleh Presiden dan Dewan Tertinggi sebaik sahaja **IKATAN** didaftarkan.
- (ii) Majlis Cawangan ini akan memegang jawatan selama 3 tahun dari tarikh pengesahan itu.
- (iii) Pemilihan pertama untuk Majlis Cawangan ini akan diadakan sebelum 3 tahun dari tarikh pendaftaran **IKATAN**.

FASAL 19: PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN CAWANGAN-CAWANGAN

19.1: Dewan Tertinggi boleh membenarkan penubuhan cawangan dikawasan yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 ahli.

19.2: Dewan Tertinggi boleh membubarkan cawangan jika didapati mana-mana cawangan tidak mematuhi Perlembagaan **IKATAN** atau jika Dewan Tertinggi mendapatinya bersalah kerana perbuatannya mencemarkan nama baik **IKATAN**.

19.3: Adalah menjadi kewajipan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari bagi cawangan itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku, rekod, wang dan harta-harta lainnya yang dimiliki oleh cawangan beserta dengan penyata kira-kira cawangan itu sebaik sahaja pembubaran diputuskan secara muktamad.

FASAL 20: KEWANGAN

Bendahari Agung hendaklah bantangkan Penyata Kira-Kira bulanan kepada Dewan Tertinggi setiap kali ianya bermesyuarat. Bendahari Agung juga bertanggungjawab melaksanakan segala aturan-peraturan kewangan seperti yang diputuskan oleh Dewan Tertinggi dan seperti yang menjadi kebiasaan bagi persatuan- persatuan seperti ini.

FASAL 21: JURUAUDIT

Dua orang yang bukannya pegawai **IKATAN** hendaklah dilantik oleh Dewan Tertinggi sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama yang diputuskan oleh Dewan Tertinggi.

FASAL 22: PENGAMANAH

- (a) Tiga orang Pengamanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik oleh Dewan Tertinggi, dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Dewan Tertinggi. Semua harta takalih yang dipunyai oleh Pertubuhan akan diamanahkan kepada mereka dengan menandatangani suatu Surat Amanah (Deed of Trust)
- (b) Pengamanah tidak boleh menjual, menarik balik dan menukarkan harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Dewan Tertinggi.
- (c) Seseorang Pengamanah itu boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Dewan Tertinggi oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam Negeri atau kerana sebab – sebab lain yang mengakibatkan ia tidak boleh menjalankan tugas – tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pemecatan seseorang Pengamanah maka kekosongan itu boleh dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik oleh Dewan Tertinggi dengan secepat mungkin.

FASAL 23: PEMBUBARAN PERTUBUHAN:

- (a) Pertubuhan ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada (3/5) jumlah semua wakil yang berhak hadir di dalam suatu Perhimpunan Tertinggi Khas yang dipanggil kerananya.

- (b) Sekiranya ini boleh dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan Pertubuhan yang sah mengikut undang – undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui di dalam Perhimpunan Tertinggi Khas.
- (c) Kenyataan mengenai pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan di dalam masa 14 hari daripada tarikh pembubaran itu.

FASAL 24: TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

Dewan Tertinggi berhak membuat tafsiran kepada mana-mana peruntukkan Perlembagaan ini dan aturan-peraturannya yang kurang jelas. Keputusannya adalah muktamad.

FASAL 25: PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Perhimpunan Agung Khas. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada perlembagaan hendaklah dibuat kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan Perhimpunan Tertinggi Khas meluluskan perubahan atau pindaan itu dan hanya boleh dikuatkuasakan mulai tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Nama : Dato Seri Hj. Mustapa Kamal Maulut
Jawatan : Setiausaha Agung

Nama : Tan Sri Dato Seri Panglima Abdul Kadir b. Hj. Sheikh Fadzir
Jawatan : Presiden